

01 FEB 2002
Mahathir-Abdullah
ABDULLAH JALANKAN TUGAS PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri semasa ketiadaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bercuti dan berada di luar negara selama sebulan bermula esok.

"La ni dia (Abdullah) menanggung tugas...dia pemangkulah secara tak rasmi," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di sini hari ini.

Ditanya sama ada Abdullah memangku tugas itu secara rasmi, Perdana Menteri berkata: "Rasmi tak rasmi saya tak tahulah...orang dok kacau pasal protokol, saya tak berapa peduli protokol."

Abdullah juga akan menjalankan tugas-tugas Menteri Kewangan, katanya.

"Kalau saya tak dak sini, dia (Abdullah) kena gantilah. Takkan tak ada orang nak ambil tugas itu. Perlu adalah, kalau ada apa sesuatu berlaku, takkan nak pi cari saya," katanya.

Mengenai pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7.3 bilion yang diperkenalkan oleh kerajaan pada Mac dan September tahun lepas, Dr Mahathir berkata sebahagian besarnya iaitu 70 peratus daripadanya telah dibelanjakan.

Katanya, sasaran diletakkan supaya perbelanjaan itu habis dibelanjakan dalam masa satu hingga dua bulan lagi.

Pakej itu bertujuan merangsang kegiatan ekonomi bagi membolehkan rakyat menikmati manfaat secara saksama dan lebih meluas.

Ketika diminta mengulas kenyataan Pendaftar Pertubuhan Sabah untuk mengkaji kedudukan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) selepas kekecohan yang berlaku pada mesyuarat agungannya Isnin lepas, Dr Mahathir berkata mereka perlu melihat sama ada undang-undang telah dilanggar atau tidak.

"Kalau mereka melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang, saya fikir ROS (Pendaftar Pertubuhan) berhak untuk ambil tindakan. Tetapi perkara ini adalah perkara politik, jadi kita perlu berhati-hati kerana kadang-kadang ada orang cuba gunakan undang-undang untuk gagalkan tindakan politik," katanya.

Pada mesyuarat agung parti itu, Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan dipilih sebagai presiden oleh kelompok masing-masing. PBRS adalah sebuah komponen Barisan Nasional.

-- BERNAMA
SHS AFY MAI